

# Tiada ancaman banjir dalam masa terdekat

UM 9/12/2006

PUTRAJAYA 8 Dis. - Direktorat Pengurusan Krisis dan Bencana Bahagian Keselamatan Negara menjangkakan tiada ancaman banjir di negara ini dalam masa terdekat berikutan paras air di sungai-sungai utama masih di bawah paras berjaga-jaga.

Pengarahnya, Che Moin Umar berkata, paras air di beberapa sungai utama di Pantai Timur seperti Sungai Golok, Sungai Kelantan, Sungai Pahang dan Sungai Terengganu masih tidak menunjukkan kenaikan yang drastik.

Beliau berkata, Malaysia juga tidak akan menerima kesan besar daripada taufan Utor yang dijangka melanda tengah Filipina pada Ahad atau Isnin ini terutama dari segi taburan hujan dan angin kencang.

"Berdasarkan maklumat Jabatan Parit dan Saliran (JPS) serta Jabatan Meteorologi dalam mesyuarat kita hari ini, mereka maklumkan tidak akan berlaku banjir besar dalam waktu terdekat disebabkan kesan taufan Utor

"Taufan Utor juga tidak akan memberi kesan kepada kadar taburan hujan yang boleh mengakibatkan banjir besar dalam tempoh terdekat atau angin kencang di negara ini walaupun dijangka akan memasuki negeri Sabah," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Banjir di Bahagian Keselamatan Negara di sini hari ini.

Semalam Jabatan Meteorologi meramalkan hujan lebat dijangka pada hujung minggu ini yang berkemungkinan berlaku ancaman banjir besar di utara dan Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

Jabatan itu turut meramalkan Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu akan mengalami hujan dan ribut petir secara berte-rusan antara tiga hingga empat hari bermula esok.